

28 APR 2003

Abdullah-Economist

TINDAKAN BERKESAN AKAN DIAMBIL TERHADAP MAJALAH ECONOMIST, KATA PAK LAH

BUTTERWORTH, 28 April (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan paling berkesan terhadap majalah 'The Economist' kerana menyiarkan rencana yang menghina pemimpin dan negara ini, kata Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, kerajaan telah membincangkan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap majalah itu yang akan menyedarkan pihak majalah itu bahawa mereka tidak boleh lagi sesuka hati menyiarkan rencana seperti itu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika ditanya apakah bentuk tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap majalah berkenaan dan sama ada ia termasuk mengharamkan pengedarannya di negara ini.

"Kita mempunyai banyak pilihan. Kita mahu apa jua tindakan yang diambil adalah berkesan," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan khas dengan kakitangan kerajaan dan pemimpin masyarakat di sini, hari ini.

Majalah yang beribu pejabat di London itu telah mencemuh kewibawaan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berikutan itu banyak pihak di negara ini mengesyorkan supaya permit pengedarannya dibatalkan.

Abdullah ketika ditanya sama ada majalah itu telah meminta maaf atas penerbitan rencana itu berkata beliau belum menerima apa-apa surat memohon maaf daripada majalah berkenaan.

Ketua Puteri Umno Malaysia Azalina Othman Said semalam mendesak Kementerian Dalam Negeri supaya mengharamkan terus penjualan majalah itu di negara ini kerana menyiarkan rencana itu tanpa rujukan menyeluruh dan jauh terpesong daripada kebenaran.

Naib Presiden Majlis Belia Malaysia Ahmad Sobri juga meminta kerajaan supaya tidak teragak-agak untuk bertindak tegas termasuk mengemukakan saman terhadap majalah itu bagi mengelakkan kejadian yang sama daripada berulang.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia Datuk Dr Maamor Osman juga berkata tindakan mengharamkan majalah itu merupakan jalan terbaik untuk diambil selepas permit pengedarannya ditarik balik.

-- BERNAMA

ZS NH ZS PR